

03 OCT 1998

Nik Aziz-Moral

NIK AZIZ SOKONG PANDANGAN DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 3 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyokong pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu bakal penggantinya seorang yang bermoral tinggi.

Beliau berkata, pelantikan pemimpin sedemikian selaras dengan kehendak Islam yang menitikberatkan akhlak yang tinggi dalam semua kegiatan kehidupan.

"Saya bersetuju dengan cadangan itu kerana ia selaras dengan prinsip Islam yang mahu pemimpin daripada golongan yang berkelakuan baik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum Pelancongan Antarabangsa di sini, hari ini.

Semalam, Dr Mahathir berkata ilmu pengetahuan yang tinggi tidak akan menjamin kemajuan negara sekiranya masyarakat memiliki nilai moral yang rendah.

Nik Aziz berkata, jika bakal Perdana Menteri dipilih dari kalangan orang yang tidak bermoral ia boleh menjejaskan nama baik negara pada masa depan.

Katanya Islam sentiasa menganjurkan supaya penganutnya bermoral dan mempunyai akhlak yang baik dalam apa jua aspek kehidupan.

"Umat Islam dituntut sentiasa menjaga moral dan akhlak supaya tidak bercanggah dengan syariat Islam dan moral adalah asas serta tunjang kehidupan manusia," katanya.

Sementara itu, Nik Aziz meminta agensi pelancongan di Kelantan membawa pelancong dari luar negara ke pusat pengajian pondok bagi memberi gambaran tentang pendidikan Islam yang bertapak sejak 100 tahun lepas.

Lebih 250 peserta mengikuti forum berkenaan yang dianjurkan oleh kerajaan negeri dengan kerjasama Pusat Penerangan Pelancongan dan agensi-agensi pelancongan.

-- BERNAMA

ANM AKD